



Mempromosikan Amalan-Amalan Pekerjaan Beretika didalam Industri Penghasilan Minyak Sawit

Lima puluh juta tan minyak sawit dihasilkan setiap tahun, dan angka kandungan ini kian meningkat. Keperluan minyak sawit akan terus meningkat diseluruh dunia sebagai minyak masak yang berpatutan, input kepada anggaran 50 peratus produk-produk runcit, dan sebagai sumber bahan bakar bio atau biofuel. Tetapi industri penghasilan minyak sawit berkait rapat dengan masalah-masalah sosial dan alam sekitar. Ini termasuk juga dengan terdapatnya kegiatan pekerjaan secara paksa dan perdagangan manusia didalam rantai bekalan. Verite sentiasa ingin menangani kegiatan pekerjaan secara paksa dan perdagangan manusia, dan mempromosi amalan-amalan pekerjaan beretika didalam industri penghasilan minyak sawit, dengan membantu syarikat-syarikat dan semua pihak yang berkepentingan untuk memahami masalah ini sekaligus mengenalpasti penganiayaan-penganiayaan yang terdapat didalam rantai bekalan dan seterusnya membina jalan penyelesaian yang berkesan.



Fair Labor. Worldwide.

Ibupejabat Verité:
44 Belchertown Road
Amherst, MA 01002 USA
Tel : +011.413.253.9227
Emel: verite@verite.org

Verité Southeast Asia:
Unit 304 CRM Building
Quezon City 1102 Philippines
Tel : +011.632.426.0230

VERITÉ adalah sebuah badan bukan kerajaan antarabangsa yang memberi khidmat juruperundingan, latihan dan kajian. Ia merupakan organisasi yang tidak berasas kepada keuntungan dan telah memelopori bidang tanggungjawab sosial dan kelestarian dalam rantai bekalan sejak 1995. Pendekatan Verite yang holistik dan tertumpu kepada perniagaan membolehkan para pembekal mencapai piawaian pelanggan selaras dengan objektif-objecktif perniagaan pihak syarikat.

Masalah

Kebanyakan dan pelbagai bentuk penganiayaan pekerjaan telah didokumentasikan di ladang-ladang sawit diseluruh dunia, termasuk buruh kanak-kanak, masa kerja yang terlalu panjang, pekerjaan secara paksa dan perdagangan pekerja asing. Penghijrahan pekerjaan yang tidak menentu ke ladang-ladang sawit merupakan isu yang meluas yang mendapat perhatian. Tanda-tanda bahaya yang menunjukkan berlakunya pekerjaan secara paksa ialah rampasan paspot, pekerja berasa berhutang akibat bayaran pengambilan bekerja atau bayaran permulaan pekebun kecil yang tinggi, bayaran visa yang lebih dari bayaran sepatutnya, kurang kebebasan pergerakan, dan gaji yang tidak dibayar atau dibayar kurang dari yang sepatutnya.

Penganiayaan mempunyai potensi yang tinggi berlaku didalam industri penghasilan minyak sawit kerana lokasi ladang-ladang sawit yang jauh terpencil. Hal berkaitan pekerjaan dan kontrak seperti penggunaan agen pengambilan pekerja, pengurusan pekerja, dan perjanjian kontrak perladangan antara pembeli dan peladang mempunyai risiko dan boleh membuat penganiayaan pekerjaan sukar untuk dikesan. Kekurangan makanan dan air minum dan akses kepada kemudahan kesihatan yang terhad telah pun didokumentasi, termasuk juga penekanan kepada kesatuan-kesatuan pekerja, suasana tempat kerja yang membahayakan, dan had umur yang pendek akibat terdedah kepada bahan-bahan bertoksik. Kekurangan latihan dalam cara yang betuk untuk menggunakan alat tuaian juga kerap mengakibatkan kemalangan.

Penyelesaian

Program Verite berkenaan Amalan-Amalan Pekerjaan Beretika didalam Industri Penghasilan Minyak Sawit adalah untuk membantu pihak syarikat dan pihak yang berkepentingan menyahut isu-isu mengenai keadaan ditempat kerja didalam rangkaian bekalan minyak sawit menerusi beberapa siri langkah, bermula dengan kefahaman dan analisis, dan diakhiri dengan tindakan langsung untuk menyelesaikan masalah. Pendekatan Verite boleh dibuat dengan cara memenuhi keperluan-keperluan tertentu pihak syarikat, dengan menggunakan program-program tanggungjawab sosial sedia atau membantu menghasilkan program-program yang baru. Program ini terhasil menerusi pendanaan bebas untuk membawaikan pendekatan-pendekatan lestari dalam penghasilan minyak sawit dan mempromosi kepimpinan didalam industri dalam menangani penganiayaan keatas pekerja. Berbekalkan pengalaman lebih satu dekad dalam menangani pekerjaan secara paksa dan perdagangan manusia, Verite menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang disokong oleh yayasan pendanaan untuk membantu peruncit, jenama dan pembeli-pembeli lain; peniaga, pembekal dan lain-lain yang berminat untuk menghapuskan penganiayaan keatas pekerja sekaligus memelopori bidang penghasilan minyak sawit yang beretika. Tawaran perkhidmatan Verite termasuk:



Penilaian. Cara Verite mengendalikan odit dan penilaian secara bebas akan membantu pihak syarikat mengenalpasti risiko-risiko daripada penganiayaan pekerja yang mereka alami didalam industri penghasilan minyak sawit, dan memperbaiki sistem-sistem pengurusan demi menjaga para pekerja daripada teranaya.



Latihan. Verite mampu mempertingkatkan kemampuan disemua peringkat didalam rangkaian bekalan melalui program latihan yang menumpukan kepada masalah penganiayaan diakar umbi sekaligus menawarkan pengetahuan, kepakaran, dan kebolehan yang diperlukan untuk mengatasi penganiayaan tersebut.



Sumber. Verite boleh mereka khas alat-alat dan modul-modul latihan untuk membantu pihak syarikat menjaga pekerja mereka daripada teranaya.



Fair Labor. Worldwide.

Ibupejabat Verité:
44 Belchertown Road
Amherst, MA 01002 USA
Tel : +011.413.253.9227
Emel: verite@verite.org

Verité Southeast Asia:
Unit 304 CRM Building
Quezon City 1102 Philippines
Tel : +011.632.426.0230

Sila hubungi Ms. Daryll Delgado (Asia, Africa) di ddelgado@verite.org, atau Mr. Philip Hunter (Americas, Europe) di phunter@verite.org, untuk maklumat lanjut tentang bagaimana Verité boleh membantu pihak syarikat mempromosi amalan-amalan pekerjaan yang beretika didalam industri penghasilan minyak sawit.